



66

Selain boleh menjimatkan perbelanjaan kami sebagai pelajar di sini, boleh menggandakan pahala dengan bersedekah 'tenaga' untuk memberi jemaah makandi masjid"

Siti Nabilah Ahmad Shabri

Tradisi makan dalam dulang

Bangi: Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, masih mengekalkan tradisi makan dalam dulang sejak 27 tahun lalu membabitkan lebih 1,000 jemaah yang hadir.

Lebih menarik, proses penyediaan hidangan itu dilakukan oleh pelajar sukarelawan di universiti berkenaan yang digelar 'Pramusaji Ramadan' dalam usaha membantu pihak pentadbiran masjid.

Ahli Pramusaji, Siti Nabilah Ahmad Shabri, 21, berkata, meskipun kali pertama berkongsi hidangan bersama jemaah yang baru dikenali dalam satu dulang, tidak menghalangnya untuk merasai kelebihan yang diperolehi daripada amalan itu.

"Selain boleh menjimatkan perbelanjaan kami sebagai pelajar di sini, kami boleh menggandakan pahala dengan bersedekah 'tenaga' untuk memberi jemaah makan di masjid.

"Pengalaman makan dalam dulang beramai-ramai antara yang tidak boleh dilupakan kerana di rumah sendiri pun tidak pernah dipraktikkan. Ternyata ia mengeratkan lagi hubungan sesama umat," katanya ketika ditemui di Masjid UKM, di sini.

Menurut pelajar semester dua itu, biarpun waktu ini adalah minggu mengulang

kaji pelajaran, pelajar yang hadir tetap ramai sehingga tidak cukup hidangan makanan.

"Sebenarnya, waktu inilah yang sesuai untuk pelajar mengambil peluang mengulang kaji dan mengimarahkan masjid berbanding kebanyakan pelajar yang memilih untuk pulang ke rumah," katanya.

Ketua Pentadbiran Pusat Islam UKM, Fairuz Mohd Rafiqi berkata, sebanyak 300 talam digunakan setiap hari untuk menghidangkan juadah berbuka puasa kepada jemaah masjid di situ.

"Menariknya, kira-kira 20 pelajar akan terbabit dalam penyediaan juadah termasuk menyiapkan ruang makan, mengagih makanan dan membersihkan perkakasan serta peralatan memasak.

"Selain mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar dan pihak pentadbiran, tujuan tradisi ini di-amalkan setiap tahun adalah untuk menggandakan pahala bagi mereka yang membantu secara sukarela menyediakan makanan kepada jemaah.

"Ia juga menggalakkan amalan bersedekah daripada jemaah dari dalam dan luar universiti melalui Tabung Sumbangan Ihya' Ramadan yang dilancarkan sejak April lalu," katanya.

